



PENERIMA Anugerah Pingat Emas Canselor, Aida Salfaraz Ahmad Fadzil (tengah) bersama-sama dengan penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Mukhriz Izraf Azman Aziz (kiri) dan Tan Ah Poi di majlis Konvokesyen ke-14 UUM Sintok, Kedah, semalam.

Memahami pelajaran kunci kejayaan dua sahabat

SINTOK 1 Sept. — Belajar secara bijaksana iaitu memahami setiap yang diajar oleh pensyarah adalah formula kejayaan dua sahabat baik, Aida Salfaraz Ahmad Fadzil dan Mukhriz Izraf Azman Aziz untuk muncul sebagai pelajar cemerlang Konvokesyen kali ke-14 Universiti Utara Malaysia (UUM).

Berasal dari Kajang, Selangor, Aida Salfaraz, 24, pemegang ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan kepujian dianugerahkan Pingat Emas Canselor manakala Mukhriz Izraf, 24, pemegang ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan kepujian menerima Anugerah Pelajaran Diraja.

Menurut Aida Salfaraz, tidak sukar bagi setiap pelajar untuk mengukir kejayaan sekiranya mereka memahami peranan dan matlamat sebenar.

“Apa yang paling penting ialah kita bukannya menghafal sesuatu subjek itu tetapi memahaminya agar mudah memberi penjelasan kembali apabila diperlukan,” katanya yang merupakan anak bongsu daripada dua beradik.

Beliau berkata, perkara paling penting yang juga harus dilakukan oleh seseorang pelajar ialah berjumpa dengan pensyarah sekiranya menghadapi masalah dalam proses pembelajaran.

Mengganggu

Mengulas kecenderungan segelintir pelajar yang gemar melibatkan diri dalam bidang politik, Aida Salfaraz yang akan melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di United Kingdom berkata, mengambil tahu apa yang berlaku tidak salah tetapi jangan melibatkan diri sehingga mengganggu pelajaran.

Ibunya, Salmiah Aceh, 50, yang turut bersyukur dengan kejayaan Aida Salfaraz berkata, anak perempuannya itu telah menunjukkan tanda-tanda kejayaan sejak kecil lagi.

“Kejayannya hari ini banyak bergantung kepada inisiatif dia sendiri, saya cuma menjadi penggalak utamanya sahaja,” katanya.

Mukhriz Izraf pula berkata,

kejayaan itu membuktikan bahawa pelajar Melayu juga mampu mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

“Kebanyakan orang berpendapat pelajar Melayu hanya layak mendapat ijazah biasa dan mereka tidak bercita-cita tinggi,” katanya yang berasal dari Senawang, Negeri Sembilan.

Menurutnya, beliau akan melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di Universiti Lancaster, United Kingdom pada hujung bulan ini.

Sementara itu, seorang lagi pelajar cemerlang, Tan Ah Poi, 25, yang juga menerima Anugerah Pelajaran Diraja menasihatkan pelajar agar tidak terlalu memaksa diri mereka semasa belajar.

Menurut Eksekutif Kanan Jualan dan Pemasaran Public Bank itu, pelajar sepatutnya belajar secara sistematik dan sentiasa berusaha melakukan yang terbaik.